



Jabatan Sains Gunaan
UiTMKPP

Issue 1/08

BULETIN ZINTEK JSG

<http://www.penang.uitm.edu.my>

CEMAS - GEMPA BUMI



20 Feb 2008- Satu gempa bumi berukuran 7.2 skala richter telah mengegarkan Utara.Sumatera Gegaran yang berlaku sekitar jam 4.10 petang itu turut dirasai oleh sebahagian negeri di Malaysia, termasuklah di Pulau Pinang.

Ekoran gegaran terbabit, detik-detik cemas melanda para pelajar dan staf di UiTM Pulau Pinang apabila diminta keluar dengan segera dari kawasan bangunan UiTM dan berkumpul di kawasan lapang. Proses mengosongkan bangunan mengambil masa lebih kurang setengah jam. Semua pelajar dan kakitangan UiTM telah dilarang menggunakan lif dan terpaksa menggunakan tangga pada detik-detik kecemasan itu walaupun dari tingkat 9.

Balai bomba yang berdekatan telah dihubungi dan tiba sekitar jam 4.45 petang. Anggota bomba terbabit telah diarahkan untuk memeriksa keadaan bangunan UiTM bagi memastikan ia benar-benar selamat untuk digunakan.

Para pensyarah dan pelajar telah dinasihatkan oleh Pengarah Kampus, Prof. Madya Mohd Zaki Abdullah dan En Fairus Muhamad Darus agar membatalkan segala aktiviti atau kelas pada hari tersebut yang melibatkan penggunaan mana-mana bangunan UiTM.

Semua kakitangan dan pelajar dibenarkan bersurai dan balik sekitar jam 5.20 petang.



Editorial Board

Patron

Prof Madya Mohd Zaki Abdullah

Advisor

Abd Halim Abd Hamid

Editor

Nur Maizatul Azra Mukhtar

Ahmad Nazib Alias

Siti Nur Sarah Riehuwan

Nurain Isa

Khaironnisah Abd Samad



Nurwahida Muhamad Pengiran

SeKalung TAHNIAH buat PeNgaRah Baru Kampus UiTMPP...Prof Madya Mohd Zaki Abdullah di atas pelantikan beliau baru-baru ini..semoga UiTMPP lebih gemilang, terbilang & cemerlang di bawah pentadbiran & naungan beliau..& sama-samalah kita bekerja untuk UiTM & anak MALAYSIA....

SUMBER BAGI MENCEGAH PENYAKIT

1. **AWET MUDA** – Tembikai, alfafa
2. **ARTRITIS** – Epal, ceri, tembikai dan lobak merah
3. **ASMA** – Cranberi, kobis, lobak merah
4. **MASALAH PENDARAHAN** – Anggur, lemon, limau, oren, betik, pic, nanas, tembikai, lobak merah dan parseli
5. **SENANG MENDAPAT LEBAM** – Anggur
6. **BARAH** – Anggur, asparagus
7. **SERING KESEJUKAN** – Anggur, lemon, limau, oren dan nanas
8. **BATUK** – Lemon dan limau
9. **KEJANG** – Ceri
10. **DEMAM** – Anggur, lemon, limau, oren, timun dan strawberi
11. **GAOUT** – Epal, saleri, tomato, ceri, anggur, lemon, limau, oren, nanas dan strawberi
12. **SAKIT JANTUNG** – Oren dan betik
13. **DARAH TINGGI** – Oren
14. **MASALAH BUAH PINGGANG** – Epal, asparagus, kobis, timun, saleri, cranberi, anggur, betik strawberi dan tembikai
15. **REUMATIK** – Epal, ceri, anggur, lemon, asparagus, limau, oren dan strawberi
16. **SAKIT TEKAK** – Lemon dan limau
17. **ULCER** – Betik, kobis, lobak merah, bayam
18. **KURANGKAN BERAT BADAN** – Epal, timun, lobak merah, saleri, kekacang, bayam, ceri, anggur, lemon, limau, oren, betik, nanas, tembikai dan prune
19. **KENCING MANIS** – Lobak merah, bayam
20. **PENYAKIT HATI** – Alfafa, lobak merah, tomato, epal, anggur, lemon, limau, oren pir dan betik.

- Saji November 07 -



One is as though nothing is a miracle. The other is as if everything is."

TAHNIAH

**SeMpena PeRLantikaN
PEnsYARaH KaNAn**


**PUAN ROHANA ATAN
MR LIM BOON TIK
USTAZ ZULKIFLI
PUAN JANIDAH EMAN
PUAN HAJAH ROFIZA
PUAN HASLINDA MAT ISA
MRS EMILY JOTHEE
MR SHANKER KUMAR**

TaHukah AnDa ??

Pembentukan madu

Bagaimana lebah membuat madu?

Lebah mengumpul nektar dan debunga daripada bunga, tetapi hanya nektar digunakan untuk membuat madu. Debunga melekat pada bulu-bulu kaki belakang lebah manakala nektar di dalam perut lebah diangkut balik ke sarangnya. Nektar sebenarnya adalah larutan gula yang mana lebih kurang 50% larutan tersebut terdiri daripada gula selebihnya adalah air. Di sarang, nektar akan dibiarkan tersejat untuk beberapa hari sehingga 83 %. Setiap lubang sarang dilitupi oleh lapisan lilin. Proses penyejatan nektar dipercepatkan oleh pergerakan udara yang terhasil oleh pergerakan sayap lebah. Gula glukosa dan fruktosa yang terdapat dalam madu adalah terlalu pekat menyebabkan sukar bagi kulat dan mikroorganisma untuk hidup di dalam sarang lebah. Madu yang terhasil mempunyai rasa yang berbeza-beza bergantung kepada jenis bunga dan musim nektar itu di ambil oleh lebah.



<http://www.newscientist.com>

Di MaNaKaH AnDa SeWaKtu GeGaraN GeMpa BuMi 7.2 SkaLa RitcheR Di RaSai Di UiTM PP PaDa 28 FeB yaNg LaLu???



BoMba TiBa...
MemaAstikan
BaNgunAn UiTM
Selamat UnTuk
digunakAn

BeRkUMpuL BeramaI-
RamAi di KaWasan LapaNg
BeBerapa MiniT setelaH
Gegaran Gempa Bumi
Dirasai



PROGRAM PEMANTAPAN AKADEMIK Siri 1

Program Pra Sains atau nama barunya Program Pra Diploma (Sains) mula dijalankan diUiTM Pulau Pinang semenjak tahun 2003. Ia diperkenalkan bagi memberi peluang kepada pelajar yang mendapat keputusan memuaskan di peringkat menengah penguasaan.



Program ini yang diadakan di Bilik Perdana UiTMPP. En. (Kaunselor Kanan UiTM) dijemput untuk memberi taklimat kepada pelajar Teknik Pembelajaran Berkesan.

Diharap dengan adanya program seperti ini dapat membantu pelajar dalam menyesuaikan diri dan lebih bersemangat bagi menamatkan Program Pra Sains ini dengan lebih cemerlang

PROGRAM PEMANTAPAN AKADEMIK siri 2

Pada 4 Oktober 2007, Jabatan Sains Gunaan telah menganjurkan Program Pematapan Akademik Siri 2 bertempat di Bilik Perdana 1, Tingkat 2, Kompleks Perdana UiTMKPP. Program ini adalah lanjutan dari program Pematapan Akademik Siri 1 dimana para pelajar Pra Diploma (Sains) dibantu untuk mendapat penguasaan tentang teknik-teknik pembelajaran yang bersempang diberikan motivasi dan semangat untuk belajar lebih berkesan.



Seramai 5 orang penceramah dijemput bagi mengendalikan seminar tersebut. Penceramah-penceramah tersebut ialah Nur Maizatul Azra Mukhlis (MAT 082), Wan Noorli (BEL 020), Pn. Teoh Siew Hui (MAT 084), Pn. Salina Hamed (MAT 081) dan En. Lim Boon Tik (CHM 081). Para penceramah yang telah dijemput adalah terdiri dari kalangan pensyarah UiTMKPP sendiri yang telah mempunyai pengalaman dalam kursus tersebut.



Samb Program Pemantapan Akademik Siri 2

Program sehari ini yang bermula dengan sesi pendaftaran peserta pada jam 8.15 pagi telah berakhir pada jam 4.30 petang. Syabas kepada AJK yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Diharap program ini dapat membantu melengkapkan pelajar dengan teknik-teknik yang perlu dan terbaik untuk menghadapi peperiksaan akhir dengan jayanya.

Demonstrasi Produk 'GBC Scientific Equipment'

Satu sesi pembentangan dan demostrasi berkaitan produk *GBC Scientific Equipment* oleh Syarikat *Global Electromech (M) Sdn. Bhd* telah diadakan pada hari khamis yang lepas (21 Feb 08). Pembentangan yang mengambil masa lebih kurang sejam setengah itu telah disampaikan oleh Pengurus Besar *GBC*, Sir David Green, bertempat di bilik mesyuarat *JSG/JTMSK*, Kompleks Perdana. *UiTMPP*.


Seramai 21 orang staf *UiTM* yang terdiri daripada pensyarah, juruteknik dan pembantu makmal dari pelbagai fakulti seperti *FKA*, *FKK* dan *JSG* telah menghadiri pembentangan dan demostrasi alat *GBC* tersebut. Antara produk baru yang dibentangkan adalah seperti *AAS*, *ICP-OES*, *ICP-oTOFMS*, *UV-Vis*, *HPLC*, *MFR*, *Rheometry* dan *XRD*.

Produk yang diperkenalkan itu sesuai diguna pakai oleh semua orang ; para pensyarah dan penyelidik dan begitu juga para pelajar bagi mengkaji pelbagai bidang baru atau bidang yang sedia ada. *GBC* juga turut menyediakan kemudahan dan kelengkapan makmal kimia, perkakas elektrik, alat bantu mengajar, jentera berat, alat ganti/ aksesori dan sebagainya. Malah *GBC* turut menawarkan perkhidmatan *Request & Build*, dimana klien boleh menyatakan spect @ ciri-ciri alat yang dikehendaki, dan pihak *GBC* akan membinanya berdasarkan keperluan klien.

Kepada mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan *Global Electromech (M) Sdn Bhd*, bolehlah melayari www.globalelectromech.com.my atau datang sendiri ke *G4B*, Maintenance Depot Building, *KM6.5* Lebuhraya Butterworth Kulim, *13500* Lebuhraya Pauh, Seberang Perai (Tel = 6048999995)

Program pembentangan dan demostrasi produk *GBC* yang bermula pada jam 3.30 petang telah berakhir pada jam 5.15 petang dengan satu sesi minum petang yang telah disediakan oleh pihak *GBC*. Moga para staf *UiTM* terus berusaha melakukan penyelidikan untuk masa hadapan.



Charles Darwin

Charles Darwin was born on Feb. 12, 1809, The Mount, Shrewsbury, Shropshire, Eng. d. April 19, 1882, Down House, Downe, Kent. His full name is Charles Robert Darwin

Darwin had the framework of his theory of natural selection "by which to work", as his "prime hobby". His research subsequently included animal husbandry and extensive experiments with plants, investigating many detailed ideas and finding evidence that species were not fixed to convince skeptical naturalists. For more than a decade this work was in the background to his main occupation, publication of the scientific results of the *Beagle* voyage.

AnDa meMpunYai SeBaraNg idea @
KoMeNtar uNtUk Di KoNgsIbErsAMa??
HanTarkan SeBaRang idEA @
PaNDaNgaN @ ArTIkel kepada:
nurmaizatuf038@ppinang.uitm.edu.my
nurwahida070@ppinang.uitm.edu.my
khaironniswah103@ppinang.uitm.edu.my

Coulomb's

The principle that an electrostatic force of attraction or repulsion between electrical charges is directly proportional to the product of the electrical charges and inversely proportional to the square of the distance between them.

Doppler Effect

the distortion of the reception of a point source due to either a moving source, moving receiver, or both.

Density

a material's mass divided by its volume.

Displacement

the straight-line distance from a moving object's original position to its final position.